



10 Hari 7 Malam EROPAH TIMUR (Winter)

HARI 1

KUALA LUMPUR – DOHA

- Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk menaiki penerbangan ke **Prague**. (Transit di Doha)

HARI 2

PRAGUE (MT)

- Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Prague, tetamu di bawa melawat di sekitar Bandar ibu negara Republik Czech ini, Prague; **Prague Castle** yang diiktiraf sebagai istana zaman purba terbesar di dunia sejak siap dibina pada kurun ke-9. Di dalam tembok istana kompleks ini, terdapat beberapa tarikan seperti upacara pertukaran pengawal di hadapan pintu utama, **St. Vitus Cathedral** yang menempatkan makam raja-raja Bohemia yang terdahulu dan juga bertindak sebagai sebuah gereja, **Golden Lane** yang menempatkan rumah-rumah comel berwarna-warni sejak abad ke-15 dan **Dalibor Tower** yang pernah digunakan sebagai penjara.
- Makan tengahari di restoran tempatan.
- Seterusnya bersiar-siar di **Wenceslas Square** yang menempatkan butik-butik terkenal dan **National Museum** yang cukup gah dibina pada tahun 1885 sebelum bersolat di **Islamic Foundation Centre**.
- Kemudian menuju ke **Old Town Square** dan melihat keunikan **Astronomical Clock** yang berusia 605 tahun, **Tugu Jan Hus Memorial** yang dibina bagi memperingati pendeta Kristian Jan Hus yang giat berjuang bagi rakyat tempatan namun dibakar hidup-hidup dan **Church of Our Lady Before Tyn** yang mempunyai 2 menara setinggi 80m.
- Kemudian bersiar-siar melintasi **Charles Bridge** yang merupakan tempat yang popular dengan pelukis-pelukis dan ahli muzik jalanan.
- Daftar masuk hotel dan bermalam di Prague.

HARI 3

PRAGUE – BRATISLAVA - BUDAPEST (SP/MM)

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bergerak menuju ke ibu kota negara Slovenia, **Bratislava** melintasi **Grassalkovich Palace** yang merupakan istana rasmi presiden dan melawat sekitar **Old Town** yang menempatkan **Michael's Gate** yang merupakan pintu gerbang binaan zaman pertengahan, **Opera House** dan bangunan-bangunan lama yang cukup santai pemandangannya selain patung-patung unik yang dipanggil Cumil yang bermaksud Man at Work di Panska Street.
- Seterusnya tetamu akan dibawa melawat istana binaan kurun ke-9, **Bratislava Castle** yang mempunyai empat menara setinggi 47m dan menjadi tempat simpanan mahkota raja Hungary selama 200 tahun.
- Meneruskan perjalanan ke Budapest, makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

HARI 4

BUDAPEST (SP/MM)

- Sarapan pagi di hotel. Tetamu akan dibawa bersiar-siar di sekitar ibu kota negara Hungary, **Budapest** yang merupakan antara bandaraya yang tercantik di benua Eropah.
- Tetamu berpeluang mengambil gambar panorama kota ini dari atas puncak **Gellert Hill Citadel** yang dibina pada tahun 1850 dan terletaknya **Liberty Monument** iaitu sebuah tugu penghargaan kerajaan Hungary kepada Red Army Soviet Union yang mengalahkan tentera Nazi ketika Perang Dunia ke-2. Singgah solat di **Budapest Mosque**.
- Kemudian melawat **Castle Hill** yang terletak di bahagian Buda yang menempatkan **Fishermen's Bastion** yang dibina pada tahun 1895 bagi memperingati 1,000 tahun penyatuan 7 puak di Hungary pada tahun 896 dan juga **Buda Castle** yang cukup gah binaannya pada abad ke-14 dan pernah menjadi tapak penting penaklukan Uthmaniyyah pada tahun 1526 dan kejatuhannya pada tahun 1686.
- Berfoto di **Millennium Monument** setinggi 36m di tengah-tengah **Heroes' Square** mempamerkan arca patung pemimpin-pemimpin besar dalam sejarah Hungary sejak tahun 1900.
- Selain itu tidak ketinggalan juga berfoto di **Hungarian Parliament Building** yang merupakan bangunan dengan bilik sebanyak 691 yang cukup memukau mata memandangkan akan kehebatan seni bina dan saiznya.
- Makan malam di restoran tempatan dan kembali ke hotel. Bermalam di Budapest.

HARI 5

BUDAPEST – PANDORF - VIENNA (SP/MM)

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Menuju ke **Pandorf** dan tetamu di bawa membeli-beli di **McArthurGlen Designer Outlets**.
- Kemudian meneruskan perjalanan ke ibu kota negara Austria, Vienna. Bersolat di **Vienna Islamic Centre** yang dibina oleh Raja Faisal dari Arab Saudi pada tahun 1975 dengan menara setinggi 32m.
- Seterusnya melawat sekitar kawasan taman istana **Schonbrunn Palace**; bangunan yang dibina oleh Maharaja Rom pada tahun 1548 dan pernah menjadi kediaman musim panas keluarga diraja Habsburg.
- Kemudian berfoto di **Hofburg Palace** yang dibina pada tahun 1279 sebagai kediaman rasmi pemerintah Hungary sejak zaman empayar Holy Roman, Habsburg, Austri-Hungary dan Presiden Austria masa kini, **Maria Theresa Monument** tanda peringatan kepada Maharani Maria Theresa iaitu ibu kepada Permaisuri Maria Antoinette.
- Setelah itu, mengunjungi **City Hall** yang dibina pada tahun 1872 dan di hadapannya terletak **Rathauspark**, sebuah taman istirehat umum yang cukup luas.
- Singgah di **Kalke Village** yang cukup unik binaan rumahnya oleh Hundertwasser pada tahun 1983 tanpa menggunakan prinsip binaan garis lurus dan membeli-belah cenderamata di sini. Tetamu akan dibawa untuk bergambar di **Vienna State Opera** sebelum diberi masa bebas di **Karntnerstrasse** untuk membeli-belah jam di butik Bucherer, butik Swarovski atau mencuba menaiki kereta kuda di sebelah St. Stephen's Cathedral, pusat gereja yang penting bagi penyebaran agama Kristian di Eropah Tengah yang dibina seawal 1147 dengan menara setinggi 137m. Makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel. Bermalam di Vienna.

HARI 6

VIENNA – WACHAU VALLEY - VIENNA (SP/MM)

- Sarapan pagi di hotel. Meneruskan perjalanan ke **Wachau Valley** dan tetamu di bawa menikmati panorama indah daripada **Agstein Castle**. Kembali ke Vienna dan makan malam di restoran tempatan.
- Bermalam di Vienna

HARI 7

VIENNA – HALLSTAAT - MUNICH (SP/MM)

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak menuju ke **Hallstatt**, kawasan perkampungan tepi tasik yang cantik di Austria, melihat Hallstat lake dan perkampungannya..
- Seterusnya tetamu di bawa melawat ke **Welterbeblick World Heritage View** dengan menaiki **Funicular** sehingga ke puncak untuk menikmati pemandangan yang cukup menakjubkan. Kembali ke Munich dan makan malam di restoran tempatan.
- Daftar masuk hotel dan bermalam di Munich.

HARI 8

MUNICH – SCHWANGAU - MUNICH (SP/MM)

- Sarapan pagi di hotel sebelum menuju ke **Schwangau** untuk melawat sebuah istana rehat Raja Ludwig II Bavaria yang dibina seawal tahun 1892.
- Tetamu akan dibawa masuk melawat ke **Neuschwanstein Castle** yang terletak di atas bukit dan keindahan seni bina istana ini telah menjadi sumber ilham kepada rekabentuk Sleeping Beauty Castle di Disneyland.
- Berdekatan dengan istana ini terletaknya **Marie Bridge** yang struktur asalnya dibina menggunakan kayu oleh Raja Ludwig II Bavaria namun ditukar kepada struktur besi oleh anaknya.
- Pulang semula ke bandar **Munich** dan melawat **BMW Welt** di mana tempat pengusaha otomobil terkenal dunia ini mempamerkan rekaan-rekaan kenderaan mereka yang terdahulu dan terkini.
- Bersebelahan dengannya ialah kawasan **Olympia Park** yang dibina ketika Munich menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 1972 dan menempatkan Olympic Stadium, Olympic Tower, Swimming Stadium dan tasik.
- Bersolat di **Mehmet Akif Mosque** sebelum meneruskan lawatan panorama sekitar kota Munich di mana tetamu berpeluang untuk melihat **Siegestor** (Victory Gate) yang dibina untuk memperingati tentera Bavaria yang gagah dan Angel of Peace yang merupakan sebuah monumen tanda peringatan kepada perdamaian antara Perancis dan Jerman selepas Perang Franco-German pada tahun 1870.
- Berhenti di **Munich National Theatre** yang menjadi pentas persembahan Bavarian State Opera dan Bavarian State Ballet sebelum menuju ke **Marienplatz** bagi melawat **New Town Hall** yang dibina pada tahun 1867. Tarikan utama di bangunan ini ialah di menaranya yang setinggi 85m itu terdapatnya **Rathaus-Glockenspiel**, sebuah jam yang mempunyai sejumlah 32 patung dan 43 loceng yang menari dan beraksi menyampaikan kisah-kisah sejarah yang berlaku di kota Munich.
- Makan malam di restoran tempatan sebelum pulang semula ke hotel. Bermalam di Munich.

HARI 9**MUNICH – DOHA (SP)**

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Membeli-belah saat akhir di **Ingolstadt Outlet Village** yang menawarkan pelbagai jenama terkenal antarabangsa dengan diskaun yang hebat sebelum bertolak menuju ke Lapangan Terbang Munich untuk menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur. (Transit di Doha)

HARI 10**DOHA – KUALA LUMPUR**

- Selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

TARIKH PENERBANGAN & HARGA PAKEJ

Harga Seorang Mengikut :

TARIKH PENERBANGAN	25 Jan 2019				
KATEGORI HARGA BILIK	SEORANG	BERDUA	KANAK-KANAK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
Dewasa	10588 9188	9288 7888	8388 7488	7188 6488	6288 5688
Warga Emas	10488 9088	9188 7788	-	-	-
OKU	-	9188 7788	8288 7388	7088 6388	6288 5688

TARIKH PENERBANGAN	28 Feb 28 Mac 2019				
KATEGORI HARGA BILIK	SEORANG	BERDUA	KANAK-KANAK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
Dewasa	10688 9288	9388 7988	8488 7588	7288 6588	6388 5788
Warga Emas	10588 9188	9288 7888	-	-	-
OKU	-	9288 7888	8388 7488	7188 6488	6388 5788

INFO PENERBANGAN

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	QR 849	KL – Doha	2025	2250
2	QR 289	Doha – Prague	0220	0740
9	QR 058	Munich - Doha	1655	2330
10	QR 848	Doha – KL	0230	1530

INFO HOTEL

BIL.MALAM	DESTINASI	HOTEL	BINTANG
1	Prague	Iris Eden Hotel / setaraf	4*
2	Budapest	Expo Congress Hotel / setaraf	4*
2	Vienna	Exe Vienna Hotel / setaraf	4*
2	Munich	Ibis Style Muenchen Ost Messe Hotel / setaraf	4*

PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi beserta cukai lapangan terbang.
- Penginapan 7 malam yang selesa di hotel bertaraf 4* (rujuk jadual senarai hotel).
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran yang selesa dan lawatan seperti aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan : "Skywalk" World Heritage View (Welterblick World Heritage), Neuschwanstein Castle, dan BMW.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris beragama Islam yang berpengalaman.
- Cukai bandar (city tax) sekiranya memerlukan. Tip kepada pemandu pelancong dan kapten bas persiaran.
- Diiringi ketua rombongan dari Kowamas Holidays Sdn. Bhd. yang tertatih. Percuma beg kembara Kowamas Holidays Sdn. Bhd. setiap seorang (kecuali bayi)
- Insurans kembara (Travel Insurance)

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Surcuj tambahan ketika musim puncak, perayaan dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, mini bar dan perkhidmatan porter dll.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang di bawa.
- Lain-lain perkara yang tidak dinyatakan di dalam aturcara.

MAKLUMAT AKAUN

Bayaran hendaklah di buat secara Tunai di pejabat ATAU memasukkan ke Akaun Bank atau Cek kepada :

PENERIMA : **KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD**
BANK : **MAYBANK BERHAD**
NO. AKAUN : **5625 6230 4881**



KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD (526807 M) (KPL/LN 6961)

HQ	Unit 101 Block C, Level 1, Kelana Business Centre, 97 Jalan SS7/2, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor.	T: 03 7803 0170	F: 03 7803 1260	E: info@kowamasholidays.com
KB	Lot 2, Ground Floor, Hotel Perdana, Jalan Mahmood, 15200, Kota Bharu, Kelantan.	T: 09 742 2416	F: 09 742 2445	E: kotabharu@kowamasholidays.com
JB	Lot G-09D (B), Ground Floor, Puteri Harbour, Persiaran Puteri Selatan, 79000 Iskandar Puteri, Johor.	T: 07 595 0450	F: 07 595 0410	E: johorbahru@kowamasholidays.com